



MAJLIS PELANCARAN *VALUE FOOD NO WASTE*



Pada 4 Mei 2021, telah berlangsung Majlis Pelancaran *Value Food No Waste* yang mana kempen ini diterajui oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kempen ini merupakan Kempen Hargai Makanan, Elak Pembaziran pada tahun ini dengan menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus mengurangkan pembaziran makanan di tapak pelupusan sampah.

Kempen yang masuk tahun keenam itu digerakkan bagi mengelakkan kesan pencemaran dan pemanasan global. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Ismail Abd Muttalib berkata, lambakan sisa makanan di tapak pelupusan menyumbang kepada pencemaran alam sekitar serta pemanasan global akibat pembebasan gas metana yang terhasil daripada penguraian sisa makanan.



“Gas metana atau gas rumah hijau membawa kesan ke atas pemanasan bumi sebanyak 34 kali lebih bahaya berbanding gas karbon dioksida. Janaan sisa pepejal di Malaysia sehari ialah 38,120 tan dan daripada jumlah itu sebanyak 44.5 peratus ialah sisa makanan yang bersamaan dengan 17,000 tan sehari,” katanya. Beliau turut menegaskan keseluruhan sisa makanan yang dibuang itu boleh memuatkan tujuh buah kolam renang Sukan Olimpik. Manakala daripada jumlah berkenaan juga, sebanyak 4,080 tan merupakan

makanan yang masih elok seperti makanan yang dibazirkan dan makanan luput tercemar tetapi dibuang ke tapak pelupusan. Jumlah ini didapati mampu memberi makan kepada tiga juta orang sehari.

Dalam sidang media yang sama, beliau menjelaskan, secara purata setiap keluarga di Malaysia (purata isi rumah empat orang) membazirkan sebanyak 500 hingga 800 gram makanan setiap hari menyebabkan berlaku kerugian sebanyak RM210 sebulan dan RM2,500 setahun. Jenis sisa makanan yang paling banyak dibazirkan ialah nasi dan roti. Berikutan itu, KPKT menyeru masyarakat bijak mengurus penyediaan makanan seharian supaya setiap hidangan makanan dapat dihabiskan.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat